



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM

DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia

Public Service Department, Malaysia

Aras 13, Blok C1, Kompleks C

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62510 W.P. PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel: 603-80008000

Faks (Fax): 603-88892187

Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

JPA.SARAAN (S) 1619 JLD. 27 (5)

28 Disember 2021

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

**PELAKSANAAN PASUKAN *TASK FORCE* BAGI PENGURUSAN PASCA
BANJIR DAN KESIAPSIAGAAN MENGHADAPI GELOMBANG KEDUA
BENCANA BANJIR**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan sedia maklum, Kerajaan melalui kenyataan media Pejabat Ketua Setiausaha Negara pada 27 Disember 2021 memutuskan supaya Jabatan Perkhidmatan Awam menyelaras pembahagian kawasan terjejas banjir kepada kementerian/jabatan/agensi serta menyelaras usaha mobilisasi pegawai Perkhidmatan Awam khususnya bagi membantu kerja-kerja pembersihan dan kemanusiaan.

Peneraju Pembaharuan, Penggerak Perubahan

Leading Reform, Driving Change



PENGIKTIRAFAN MS ISO 9001 : 2015
NO. SIJIL : QMS 01894

3. Selaras dengan keputusan tersebut, YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan dikehendaki menentukan dan mengarahkan pegawai di agensi masing-masing untuk membantu melaksanakan *task force* tugas-tugas pasca banjir berdasarkan kawasan yang telah ditetapkan.
4. Pegawai-pegawai yang terlibat dengan arahan mobilisasi ini adalah dianggap menjalankan tugas rasmi dan layak menerima elaun dan kemudahan yang berkeelayakan serta dilindungi oleh Skim Ex-Gratia Bencana Kerja Bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan tertakluk kepada syarat di bawah Pekeliling Perbendaharaan W.P 6.3. Pihak kementerian/jabatan/agensi adalah bertanggungjawab menguruskan tuntutan pegawai-pegawai yang terlibat tertakluk kepada peraturan-peraturan yang berkuat kuasa.
5. Arahan ini berkuat kuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan.
6. Kerjasama dan perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan memastikan pelaksanaan perkara ini secara berkesan amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(TAN SRI MOHD KHAIRUL ADIB BIN ABD RAHMAN)